

# **HUBUNGAN (Part 2)**

**Omar Nor Bin Abu Bakar, Mohd Hafizullah Amin Mat Noor & Mohd Roshan Bin Sarkarsi**

## **JENIS HUBUNGAN**

Hubungan interpersonal terbahagi kepada 2 jenis :

1. Hubungan antara sesama manusia adalah nyata dan boleh di ukur sama ada melalui ujian personaliti, ujian minat dan kerjaya atau penilaian dari kaca mata orang yang memandangnya. Hubungan jenis ini melibatkan perasaan, tanggung jawab, komitmen dan kasih sayang. Sebagai contoh hubungan keluarga, hubungan kerja, hubungan sahabat, hubungan cinta dan pelbagai jenis hubungan dengan manusia yang lain. Setiap hubungan ini dijalinkan dalam keadaan yang berbeza dan cara penerimaan yang berbeza. Hubungan sesama manusia saling memerlukan antara satu sama lain sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud “aku menjadikan manusia itu ada lelaki dan ada perempuan serta berpuak-puak diantara mereka supaya mereka mengenali di antara satu sama lain”
2. Hubungan antara manusia dan Pencipta bukan sahaja khusus kepada mereka yang beragama islam tetapi secara umumnya hubungan umat manusia yang lain yang mempunyai pegangan agama lain yang percaya wujudnya tuhan. Kepercayaan kepada tuhan mewujudkan sikap yang mulia dan melaksanakan tanggung jawab sebagai hamba-Nya. Kita sebagai hamba wajib melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Umat manusia mempunyai tanggungjawab untuk menjaga segala amanah yang telah diberikan iaitu menjaga diri serta hubungan sesama manusia dan memakmurkan bumi ini berlandaskan kepercayaan dan agama.